

29/09/1999

Golongan kurang upaya tetap diberi perhatian

ral Tazzif Hisham

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa golongan kurang upaya di negara ini tetap terbabit dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya, walaupun ianya bukan secara langsung atau sepenuhnya, namun golongan berkenaan tetap bersama dalam menjayakan wawasan MSC.

"Kerajaan tidak pernah mengabaikan mereka malah sentiasa memantau keperluan dan keupayaan mereka sejajar dengan kemajuan MSC.

"Malah hasil gabungan teknologi maklumat (IT) sebagaimana yang berlaku dalam MSC, golongan berkenaan kini hidup senang, tidak perlu lagi melakukan banyak pergerakan untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan pelbagai pihak.

"Dengan hanya satu talian telefon mereka kini boleh melakukan aktiviti dengan selesa walaupun berinteraksi dengan dunia luar," katanya menjawab pertanyaan daripada seorang peserta kurang upaya di seminar Multimedia Asia 99 baru-baru ini.

Golongan berkenaan yang kebanyakannya sudah menggunakan keupayaan IT khususnya dalam penggunaan komputer peribadi (PC) merasa masih ketinggalan dalam arus perkembangan MSC.

Mahathir berkata, golongan berkenaan harus berasa beruntung dan bertuah hasil gabungan teknologi berkenaan yang mana ia membolehkan mereka melakukan sebarang kegiatan hanya di rumah.

"Apa yang pasti golongan ini mampu menikmati keuntungan serta kejayaan hasil kemajuan teknologi masa kini di samping berupaya melakukan pelbagai kegiatan secara global.

"Dengan berada dalam kelompok kemajuan ini anda tidak seharusnya menganggap ketinggalan atau cacat selamanya," katanya.

Di samping itu katanya, kerajaan berusaha memastikan golongan ini dapat menikmati penggunaan IT sebagaimana masyarakat biasa sama ada dari segi memiliki dan menggunakan kemudahannya.

Persidangan Multimedia Asia 99 (MMA 99) adalah anjuran Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dengan kerjasama Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Mimos Bhd.

Persidangan tahunan yang berlangsung sejak 1996 melaporkan perkembangan terkini pelaksanaan pelbagai projek yang sudah dirancang di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tema kali ini ialah "MSC daripada visi ke realiti: Penyesuaian Semula Menghadapi Ekonomi Baru". Sesi persidangan dan bengkel pasca persidangan berlangsung selama dua hari mulai 22 September manakala pameran bermula pada 23 hingga 26 September lalu.

MMA 99 kali ini membicarakan pelbagai isu, cabaran dan peluang yang dapat diterokai dengan kemunculan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). Selain itu, ia membincangkan isu utama dan cabaran yang dihadapi syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) ketika melaksanakan aplikasi perdana.

Antara topik menarik yang dibincangkan ialah MSC sebagai enjin kedua pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran k-ekonomi, visi k-ekonomi, pelaksanaan k-ekonomi-pelajaran yang diperolehi dan penyesuaian semula menghadapi ekonomi baru.

Topik yang dibahaskan di bengkel MMA 99 merangkumi pelaksanaan aplikasi perdana dan isu berkaitan, perdagangan elektronik (e-dagang) dan masyarakat pintar Subang Jaya (SJ2005).

Seramai 47 pakar teknologi maklumat tempatan dan luar negara menghadiri persidangan dan pameran berkenaan bagi memberi input dan berkongsi pengalaman untuk pembangunan masa depan MSC.

Bengkel Pelaksanaan Aplikasi Perdana MSC dan isu berkaitan menyediakan peluang kepada pihak yang terbabit dalam projek berkenaan mempelajari dan mendapat input daripada pakar bagi melicinkan perjalanan projek perintis.

Bengkel masyarakat pintar Subang Jaya (SJ 2005) memberi peluang kepada semua pihak menyumbangkan idea bagi merangka strategi pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam aspek perniagaan, teknologi dan polisi.

(END)